

25 MAY 2000

DR MAHATHIR MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MENGENAI PERTANIAN

BANGI, 25 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat majlis penyelarasan sektor awam-swasta dalam sektor pertanian di sini, hari ini.

Mesyuarat yang bermula pukul 9 pagi itu dihadiri beberapa menteri Kabinet, menteri besar dan ketua menteri, wakil agensi-agensi sektor pertanian serta wakil persatuan-persatuan pertanian, perikanan dan ternakan.

Sebanyak tiga kertas kerja dijangka dibentangkan pada mesyuarat itu termasuk mengenai pelaksanaan dasar pertanian negara dan cadangan mempertingkatkan pelaburan sektor swasta dalam bidang pertanian.

Satu lagi kertas kerja akan menyentuh kerjasama kerajaan persekutuan, negeri dan sektor pertanian dalam pembangunan bidang berkenaan.

-- BERNAMA

MAM RON